

14/01/2001

Pas, Keadilan tidak berpadu

Syed Akbar Ali

ANTARA alasan Dr Wan Azizah menolak penyertaan Keadilan dalam perbincangan perpaduan Melayu ialah parti itu lebih tumpukan kepada masalah kronisme, nepotisme, korupsi dan sebagainya. Soalannya, mengapa isu nepotisme, kronisme dan korupsi ditimbulkan sekarang sebagai senjata untuk menggulingkan Dr Mahathir?

Dr Wan Azizah sepatutnya mendedahkan senarai orang yang telah menjadi miskin (jika ada) sesudah mereka menjadi sahabat karib ketika Datuk Seri Anwar Ibrahim menjadi Timbalan Perdana Menteri dulu. Ini boleh membantu membuktikan kronisme, nepotisme dan korupsi sebenarnya berada pada pihak lain.

Parti Keadilan juga menyebut dengan terang dari awal lagi perjuangan mereka untuk membela suami Dr Wan Azizah yang didapati bersalah atas tuduhan salah guna kuasa menangkap, menahan dan turnover seorang wanita dan seorang lagi lelaki yang hanya menulis sepucuk surat.

Bagi Dr Wan Azizah, perjuangan membela suaminya menjadi satu objektif yang penting juga. Tetapi, jelas tidak ada kata sepakat di antara Pas yang hampir 100 peratus keahliannya Melayu dan Keadilan yang kononnya mewakili berbilang kaum mengenai isu perpaduan Melayu ini. Pas sebagai underdog dan sebagai pihak yang mendapat untung yang paling banyak daripada surat yang ditulis oleh Ummi Hafilda itu rela bertemu Umno kerana sebarang perjumpaan boleh dijadikan medan untuk melaungkan agama Islam. Agak bosan juga, tetapi Pas tidak akan melepaskan peluang untuk mendapat publisiti percuma.

Bagi Wan Azizah pula, beliau langsung tidak boleh bincangkan perpaduan Melayu tanpa mengaitkannya dengan kes suaminya. Sekiranya Wan Azizah setuju untuk membincangkan perpaduan Melayu dengan Umno tanpa diketengahkan isu Anwar, ia akan menimbulkan soalan mengenai perjuangan asasnya iaitu untuk membela nasib suaminya.

Tindakan Wan Azizah menolak perbincangan perpaduan Melayu dengan secara tergesa-gesa membuktikan Wan Azizah adalah seorang isteri dan ibu yang sanggup mempertahankan nama dan maruah keluarga. Kita mesti sanjung tinggi semangat setia dan kasih sayang seorang ibu dan isteri.

Bahaya besar bagi Wan Azizah sekarang ialah jika Pas sudi membincangkan perpaduan Melayu, tetapi dengan tidak menghiraukan kes Anwar. Ini akan menunjukkan Pas dan Dr Wan Azizah tidak mempunyai perpaduan atau objektif yang sama. Tambah lagi bagi Wan Azizah dan rakan-rakan Pajero dan Range Rovernya, segala-galanya termasuk maruah keluarga, kerjaya dan rezeki bergantung kepada ketekunan usaha mereka.

Tetapi, bahaya yang lebih besar bagi Wan Azizah ialah jika Umno setuju membincangkan kes Anwar dengan Pas untuk memupuk perpaduan Melayu. Dalam keadaan demikian, Umno dan Pas terutamanya akan mendapat simpati pengundi dan penyokong. Wan Azizah tidak boleh hadir kerana beliau menolak jemputan parti Melayu untuk membincangkan perpaduan Melayu.

Mungkin untuk mengatasi dilema ini Mohamed Ezam, Ketua Pemuda Keadilan yang berkata Keadilan sebuah parti berbilang kaum dan Keadilan menolak perbincangan yang hanya menumpukan satu kaum saja.

Seterusnya Mohamed Ezam mengumumkan Keadilan akan melancarkan satu roadshow seluruh negara untuk menjelaskan politik baru Keadilan, ekoran daripada kemenangan mereka di Lunas. Tetapi, dalam nafas yang sama juga Mohamed Ezam berkata, roadshow ini akan diadakan berasingan untuk orang Melayu dan sekali lagi untuk orang bukan Melayu. Misalnya, Ezam mengumumkan roadshow yang pertama akan diadakan di Masjid Putrajaya.

Selain daripada bersyukur Putrajaya belum lagi dilelong kepada sesiapa, Ezam sudah tentu faham rakyat berbilang kaum tidak boleh dijemput masuk ke dalam masjid.

Kita belum tahu lagi apakah politik barunya, tetapi yang jelas ialah politik baru itu perlu diulang dua kali, sekali di dalam masjid untuk orang Melayu dan sekali lagi kepada kaum lain di luar masjid.

Parti Pas pula sanggup berkata semua orang Melayu bersatu di belakang Pas. Dr Wan Azizah juga sependapat sama dengan Pas masalah perpaduan Melayu tidak timbul kerana orang Melayu bersatu di belakang parti pembangkang. Pada pilihan raya lalu, parti pembangkang tidak berjaya menubuhkan kerajaan di 11 negeri dan juga gagal menguasai lebih daripada satu pertiga kerusi Parlimen. Mereka juga tidak berjaya pada pilihan raya kecil Sanggang dan Teluk Kemang. Kejayaan di Lunas pula tercapai dengan sokongan pengundi Cina yang terpengaruh dengan isu Suqiu dan Sekolah Wawasan. Walaupun demikian mereka berpendapat orang Melayu bersatu di belakang mereka.

Sebenarnya yang kita lihat di sekeliling kita ialah tiada kesan yang begitu besar dalam kehidupan seharian orang Melayu jika mereka kononnya berpecah dan tidak bersatu. Perpaduan atau tidak, orang Melayu masih bebas membuang sampah di merata tempat di Kota Bharu kerana tiada cukup tong sampah untuk menjaga kebersihan persekitaran. Subsidi padi, getah, bantuan buku sekolah, biasiswa universiti untuk anak, klinik desa, bangunan pencakar langit dan projek pembangunan masih berjalan. Rakyat Terengganu pun masih menerima faedah royalti minyak, tetapi bukan menerusi tangan Menteri Besarnya. Perpaduan atau tidak, semuanya masih membawa faedah kepada orang Melayu.

Cuma orang yang tidak dapat meraih kontrak besar disebabkan ayam sabung mereka sekarang sudah diikat berasa perpaduan Melayu mungkin sudah kurang (atau sebaliknya).

Parti pembangkang sebenarnya menunggu Dr Mahathir dan parti dalam Barisan Nasional mengambil sesuatu tindakan supaya mereka boleh mengkritiknya. Mereka tidak sangka pun Dr Mahathir akan menulis surat kepada Pas dan Dr Wan Azizah menjemput mereka mengadakan perbincangan. Kesannya Pas dan terutama sekali Keadilan menjadi kelam-kabut untuk menjawab cadangan Dr Mahathir itu.

Parti pembangkang masih tidak berupaya mengutarakan satu wawasan atau cita rasa politik yang padu untuk tatapan rakyat jelata. Parti DAP di Sarawak mengumumkan keputusan enggan bekerjasama dengan Keadilan. Parti Pas bersetuju mengadakan perbincangan dengan Umno, tetapi Keadilan pula menolak cadangan ini dengan tergesa-gesa. Di manakah perpaduan mereka?

(END)